

Oleh **Khairunnisa Kamarudin**
nisa.kamarudin@bh.com.my

► Labuan

Sejumlah 15 universiti awam (UA) hadir memeriahkan penganjuran Karnival Pendidikan Kerjaya di Dewan Mutiara Kolej Matrikulasi Labuan (KML) di sini, baru-baru ini.

Karnival anjuran Unit Kaunseling dan Kerjaya KML dengan kerjasama UA dan beberapa agensi kerajaan itu adalah platform bagi membolehkan pelajar KML mendapat pendedahan dan maklumat berkaitan kursus ditawarkan di UA. Timbalan Pengarah KML, Jeffry@

Azmi Nasruddin, berkata penganjuran karnival berkenaan dilihat menepati misi KML iaitu Menyediakan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif di samping dapat menjamin kecemerlangan pelajar dalam memenuhi aspirasi negara untuk membekalkan tenaga mahir profesional dalam bidang-bidang kritikal.

Pasaran kerjaya

Katanya, pengisian karnival juga diharapkan dapat memberi motivasi dan keyakinan kepada pelajar supaya mereka sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan sehingga ke peringkat universiti.

“Pencapaian itu membolehkan lulusan matrikulasi memasuki

Karnival dedah maklumat ditawarkan UA



Jeffry@Azmi (kiri) menerima **cenderahati** daripada pegawai UniMAP.



Pelajar KML mendengar **penerangan** daripada pegawai UTM.



Pelajar KML mendapatkan maklumat daripada pegawai UNIMAS.

pasaran kerjaya profesional bertaraf dunia seperti yang dirapikan dalam visi negara maju pada tahun 2020.

“Berdasarkan maklum balas pelajar, mereka menyambut baik program seperti ini kerana melalui ini, banyak input yang berguna diperoleh, malah membantu mereka dalam pemilihan kursus di UA, tahun depan.

“Pelajar juga boleh mendapat maklumat mengenai kerjaya mereka pada masa depan berdasarkan minat dan bidang pengajian yang akan diikuti kelak,” katanya selepas menyempurnakan

majlis perasmian penutup karnival itu.

Antara UA yang menyertai karnival itu ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Taklimat kursus

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Uni-

versiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Selain pameran dan promosi kemasukan ke UA, pelajar KML turut didedahkan dengan taklimat mengenai kursus, peluang dan syarat-syarat kemasukan yang diperlukan setiap universiti.

Selain itu, pelajar turut diberi pendedahan dan taklimat tatacara pengisian borang permohonan kemasukan ke universiti.



Sebahagian daripada pelajar KML mengikuti **taklimat** mengenai kursus dan syarat kemasukan ke UA.